

Volume 1(2) July 2016



Borneo Akademika

ISSN 2462-1641



BORNEO AKADEMIKA

UiTM CAWANGAN SABAH

Copyright © 2016 Biannual publication of Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah Publisher (ISSN: 2462-1641)

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, through photocopying, recording or otherwise, without prior permission in writing from the publisher.

Disclaimer: The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, reviewers, faculties or the university.

EDITORIAL BOARD

Editor-in-Chief

Datuk Dr. Hj. Abdul Kadir Hj. Rosline

Deputy Editor-in-Chief I

Dr. Rozita@Uji Mohammed

Deputy Editor-in-Chief II

Assoc. Prof. Jasman Hj. Jaafar

Managing Editor

Assoc. Prof. Dr. Hj. Zamali Hj. Tarmudi

Editorial Members

Dr. Hjh. Suhailah Hj. Abdul Muin

Dr. May Siaw-Mei Liu

Dr. Haijon Gunggut

Dr. Dewi Tajuddin

Dr. Hendry Joseph

Secretary

Hasmiah Bahari

Invited/Field Editors

Assoc. Prof. Datuk Dr. Worran Hj Kabul

Dr. Spencer Hedley Mogindol

Abdul Manap Mahmud

Dr. Jocelyn Lee

Dr. Nabila Azwa Ambad

Datuk Dr. Hj. Abdul Kadir Hj Rosline

Ansir Salim

Dr. Rashidah Omar

Siti Sarayati Abd Mawah

Mazalan Sarahintu

Content

VOLUNTEER TOURISM OUTLOOK: AN EXPLORATORY STUDY ON DIVE TOURISM OPERATORS AT KOTA KINABALU, SABAH <i>Boyd Sun Fatt, Amysteffer Jeofrey, Christy Bidder, Muhammad Irfan Harith & Suzzie Suzanthi Sulan</i>	1 – 11
MATERIA MEDICA OF TRADITIONAL KNOWLEDGE: FROM EAST TO WEST AND BEYOND <i>Julenah Ag Nuddin</i>	12 – 22
THE RELATIONSHIP BETWEEN MEDIA, ADVERTISEMENT AND BODY IMAGE PERCEPTION AMONG YOUNG WOMEN IN SABAH <i>Norshatilla Ezanie & Dewi Tajuddin</i>	23 – 26
MOLLUSCIDAL ACTIVITY OF THE PLANT <i>Acacia mangium</i> (Willd.) AGAINST THE SNAIL <i>Pomacea Canaliculata</i> (Lam.) <i>Hendry Joseph, Muhammad Mu'izzuddin Zulkapli, Hasnidar Iskandar & Sharmiza Sanin</i>	27 – 33
HANDLING COUNTER-ARGUMENTS IN WRITTEN ARGUMENTATIVE DISCOURSE: IMPLICATIONS FOR THE TEACHING OF ENGLISH FOR ACADEMIC PURPOSES <i>May Siaw-Mei Liu & Jason Miin-Hwa Lim</i>	34 – 46
FUZZY SIMPLE HIERARCHY ANALYSIS-BASED LINGUISTIC HEDGES TO MIDSIZE LUXURY SPORTY UTILITY VEHICLE SELECTION <i>Zamali Tarmudi & Ung L. Ling</i>	47 – 54
TREND KUTIPAN ZAKAT PERNIAGAAN DI NEGERI SABAH <i>Nor Alhana Abd Malik, Razizi Tarmuji, Saiful Nizam Bin Amran, Yunus Ab. Samed, & Suwaid Tapa</i>	55 – 64
TALENT STRATEGY FOR RETAINING BANKING TALENT IN MALAYSIA <i>Dewi Tajuddin</i>	65 – 70
PEMILIHAN PELAJAR MDAB BERASASKAN PENILAIAN KABUR <i>Zamali Tarmudi, Hamidah Achmad, Jasman Jaafar & Abdul Kadir Rosline</i>	71 – 78

TREND KUTIPAN ZAKAT PERNIAGAAN DI NEGERI SABAH

NOR ALHANA ABD MALIK¹, RAZIZI TARMUJI², SAIFUL NIZAM BIN AMRAN³, YUNUS AB. SAMED⁴, SUWAID TAPA⁵

^{1,2,3,4,5}Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sabah, Beg Berkunci 71, 88997 Kota Kinabalu, Sabah

e-mail: ¹noral801@sabah.uitm.edu.my, ²raziz106@sabah.uitm.edu.my, ³saifu775@sabah.uitm.edu.my, ⁴yunusamed@sabah.uitm.edu.my, ⁵suwaid@sabah.uitm.edu.my,

ABSTRAK

Zakat perniagaan merupakan salah satu jenis zakat harta yang diwajibkan kepada peniaga Muslim yang memenuhi syarat pembayaran zakat. Di Sabah, institusi yang bertanggungjawab dalam pengurusan zakat sama ada daripada aspek kutipan ataupun agihan adalah Pusat Zakat Sabah (PZS). Zakat perniagaan merupakan antara penyumbang terbesar zakat harta di Sabah. Kertas kerja ini membincangkan trend kutipan zakat perniagaan di Sabah daripada tahun 2005 hingga tahun 2014. Data sekunder dari PZS digunakan untuk menganalisis trend kutipan zakat perniagaan. Unjuran kutipan zakat perniagaan dibuat dengan menggunakan kaedah analisis regresi bagi melihat potensi kutipan zakat perniagaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa trend kutipan zakat perniagaan meningkat hampir setiap tahun. Trend ini banyak dipengaruhi oleh prestasi pembayaran zakat perniagaan oleh syarikat-syarikat besar yang merangkumi hampir 90 peratus daripada keseluruhan kutipan zakat perniagaan. Namun demikian, bagi jumlah pembayar zakat, lebih 90 peratus penyumbang adalah terdiri daripada peniaga kecil. Oleh yang demikian, PZS seharusnya menumpukan perhatian yang konsisten kepada peniaga kecil dalam usaha meningkatkan tahap pengetahuan dan kesedaran mereka.

Kata kunci : Kutipan zakat perniagaan; Pusat Zakat Sabah

1. Pengenalan

Zakat perniagaan ialah zakat yang wajib dikeluarkan hasil daripada harta perniagaan sama ada melibatkan barangan atau perkhidmatan. Antara bentuk perniagaan ialah perniagaan persendirian, perniagaan perkongsian, perniagaan syarikat dan juga koperasi. (JAWHAR, 2008). Kewajipan zakat perniagaan merupakan pendapat jumhur ulama (al-Zuhaili, 2002). Dalil pensyariatannya dinyatakan di dalam al-Quran melalui firman Allah SWT yang bermaksud :

“Hai orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian daripada hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kalian”

(al-Baqarah 2: 267)

Dalil daripada hadis pula sebagaimana yang diriwayatkan:

Daripada Samurah bin Jundab: “Nabi Muhammad SAW memerintahkan kami untuk mengeluarkan sedekah daripada barang yang kami sediakan untuk perniagaan”

(Abu Daud, 2004).

Syarat wajib zakat perniagaan yang digariskan oleh jumhur ulama yang pertama ialah Islam. Bagi perniagaan yang mempunyai pemilikan modal yang bercampur dengan bukan Islam, zakat dikenakan ke atas harta perniagaan peniaga beragama Islam sahaja. Kedua, harta yang halal sahaja yang diwajibkan zakat. Syarat ketiga ialah cukup nisab iaitu sebanyak 20 mithqal/ 85gram (dinilai dengan nilai wang semasa). Keempat, cukup haul iaitu harta yang dizakatkan hendaklah dikira sehingga genap tempoh setahun. Pemilikan sempurna ke atas harta yang

dikenakan zakat merupakan syarat yang kelima. Pemilikan sempurna bermaksud pemilik harta berkeupayaan mengurus tadbir (*tasarruf*) harta tersebut seperti menjual, menghadiah, menyewa dan seumpamanya terhadap harta tersebut (Al-Zuhaily, 2002).

Kepelbagaian produk zakat yang diwujudkan mampu memberi jaminan kepada peningkatan tahap sosioekonomi umat Islam. Jaminan tersebut bergantung pada keberkesanan pengurus zakat mengatur strategi kutipan dan agihan dana zakat yang efisien. Kutipan zakat yang tinggi mampu memberi manfaat kepada lebih ramai golongan penerima zakat. Seterusnya masyarakat akan mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap peranan yang dilakukan oleh pengurus zakat. Pengagihan kekayaan walaupun daripada harta individu tetap memerlukan kepada sebuah institusi atau organisasi bagi menunaikan tanggungjawab individu agar sampai kepada golongan yang memerlukan (Nor Alhana & Razizi, 2012).

Menurut Yusuf al-Qardawi (1988), urusan zakat adalah urusan pemerintah. Urusan berkaitan zakat bermula daripada proses kutipan sehinggalah ke peringkat agihan. Di Malaysia, pengurusan zakat diletakkan di bawah bidang kuasa negeri yang ditadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Terdapat juga negeri-negeri yang melaksanakan transformasi pengurusan zakat dengan mewujudkan institusi berasingan khusus untuk urusan zakat. Manakala penubuhan Jabatan Zakat Wakaf dan Haji (JAWHAR) di peringkat persekutuan berperanan merancang, melaksana dan menyelaras dasar serta program pembangunan zakat, wakaf, mal dan haji. Negeri Sabah merupakan antara negeri terawal yang melakukan transformasi pengurusan zakat dengan mewujudkan Pusat Zakat Sabah (PZS) pada tahun 2007.

2. Kajian Literatur

Perkembangan pengurusan kutipan dan agihan zakat yang dilakukan oleh setiap negeri menunjukkan peningkatan positif dengan peningkatan jumlah kutipan dan pembayar zakat di seluruh Malaysia. Kutipan zakat di Malaysia meningkat daripada RM423.8 juta pada tahun 2003 kepada RM1.936 bilion pada tahun 2012 dengan kadar peningkatan 356.3 peratus dalam jangka 10 tahun (Adibah & Joni, 2015).

Dari segi pembayaran, jenis zakat yang menjadi tumpuan utama umat Islam di Malaysia ialah zakat fitrah dan zakat pendapatan. Statistik jumlah kutipan zakat menunjukkan kutipan zakat perniagaan merupakan penyumbang kedua tertinggi selepas zakat pendapatan (Ram al-Jaffri *et al.*, 2009). Sebagai contoh, pada tahun 2014 Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah mengutip zakat perniagaan berjumlah RM108 juta sekaligus menjadikan zakat perniagaan penyumbang kedua kutipan zakat terbesar selepas zakat pendapatan yang mencatat kutipan sebanyak RM350 juta pada tahun yang sama (Lembaga Zakat Selangor, 2015).

Kajian Abdul Rahim dan Abdul Rahman (2005) menunjukkan daripada 5,000 peniaga yang wajib membayar zakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, hanya 10 peratus sahaja yang berbuat demikian. Manakala di negeri Johor, hanya 4.5 peratus sahaja daripada 87,617 peniaga membayar zakat pada tahun 2012 (Mohamad Zaki Razaly *et al.*, 2013).

Walau bagaimanapun, kajian Adibah dan Joni (2015) menyatakan prestasi kutipan zakat di Malaysia adalah sangat memberangsangkan kerana jumlah kutipan zakat sehingga 2012 berjumlah hampir RM2 bilion dengan peningkatan sebanyak RM1.5 bilion bagi tempoh 10 tahun. Peningkatan ini seiring dengan peningkatan bilangan pembayar zakat. Ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan kesedaran berzakat dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

3. Objektif dan Metodologi Kajian

Penulisan ini bertujuan untuk mengkaji trend kutipan zakat perniagaan di Sabah yang diterima oleh PZS dan mengkaji prestasi pembayar zakat perniagaan yang terdiri daripada syarikat besar dan peniaga kecil di Sabah. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mengetahui strategi yang dilaksanakan oleh PZS berkaitan dengan zakat perniagaan sama ada dalam urusan kutipan, promosi atau aktiviti yang dilaksanakan dalam memberikan kefahaman kepada peniaga muslim di Sabah.

Syarikat besar dalam kajian ini merujuk kepada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan institusi kewangan Islam dan takaful. Manakala peniaga kecil adalah selain daripada syarikat besar yang merangkumi peniaga muslim yang membuka perniagaan kedai runcit, restoran, tekstil dan lain-lain.

Kajian ini dibuat berbentuk analisis data bagi tempoh 10 tahun. Ia menggunakan data sekunder yang diperolehi dari PZS berkaitan kutipan zakat harta, zakat perniagaan dan pembayar zakat perniagaan dari tahun 2005 hingga tahun 2014. Data kutipan zakat perniagaan yang diterima daripada PZS dipecahkan kepada dua kategori iaitu kutipan yang diterima daripada syarikat besar dan kutipan yang diterima daripada peniaga kecil. Kajian ini turut menghasilkan anggaran kutipan zakat bagi tempoh lima tahun yang akan datang dengan menggunakan analisis regresi dari tahun 2015 hingga tahun 2019 bagi kedua-dua iaitu jumlah kutipan zakat perniagaan yang diterima daripada syarikat besar dan peniaga kecil begitu juga unjuran bilangan pembayar zakat daripada syarikat besar dan peniaga kecil untuk tempoh lima tahun.

4. Zakat Perniagaan di Malaysia

Di Malaysia, kebanyakan institusi zakat mengalami peningkatan jumlah zakat setiap tahun sama ada daripada zakat fitrah ataupun zakat harta. Bagi kutipan zakat harta, statistik jumlah kutipan mencatatkan bahawa zakat perniagaan merupakan penyumbang jumlah kedua tertinggi selepas zakat pendapatan. Sebagai contoh, di negeri Johor, jumlah kutipan zakat perniagaan pada tahun 2011 adalah sebanyak RM40.416 juta dan zakat pendapatan RM46.697 juta (Mohamad Zaki Razaly *et al.*, 2013). Di Pulau Pinang, jumlah kutipan zakat perniagaan pada tahun 2011 ialah sebanyak RM37.144 juta dan zakat pendapatan pula berjumlah RM37.933 juta (Buletin Zakat, 2011).


Peningkatan bilangan peniaga muslim di Malaysia juga semakin memberangsangkan. Peningkatan tersebut memberikan kesan positif kepada peningkatan kutipan zakat perniagaan (Mohamad Noor Sahidi, 2013). Statistik menunjukkan bahawa jumlah kutipan zakat perniagaan di Malaysia pada tahun 2008 sebanyak RM260.29 juta, tahun 2009 sebanyak RM277.49 juta (peningkatan sebanyak 6.20 peratus) dan pada tahun 2010 sebanyak RM301.78 juta (peningkatan sebanyak 13.75 peratus daripada tahun sebelumnya).

Manakala kajian yang dilakukan oleh Muhammad Uzair (2015) terhadap peniaga-peniaga tekstil di daerah Kuala Kangsar, Taiping dan Bandaraya Ipoh yang membayar zakat perniagaan mereka kepada Majlis Agama Islam Perak (MAIPk) mendapati bahawa peratusan mereka berada di tahap yang kurang memuaskan iaitu hanya 18 peratus sahaja. Ini disebabkan kebanyakan mereka lebih suka untuk membayar sendiri zakat tersebut secara terus kepada asnaf kerana lebih mudah dan mereka lebih yakin zakat berkenaan sampai kepada asnaf yang dikehendaki.

Manakala kajian yang dilakukan oleh Razizi dan Nor Alhana (2014) mendapati bahawa hanya 30 peratus daripada peniaga muslim di Tawau, Sabah membayar zakat perniagaan mereka terus ke Pusat Zakat Sabah. Faktor mereka tidak membayar zakat perniagaan di Pusat Zakat Sabah banyak dipengaruhi oleh nasihat golongan agama dan pemimpin tempatan serta kekangan masa untuk berurusan dengan Pusat Zakat Sabah terutamanya bagi responden yang tinggal jauh dari bandar.

5. Zakat Perniagaan di Sabah

Pusat Zakat Sabah merupakan institusi yang bertanggungjawab dalam pengurusan zakat di Sabah sama ada dalam urusan kutipan atau agihan dana zakat. Di Sabah, terdapat sembilan jenis zakat iaitu zakat fitrah dan lapan jenis zakat harta seperti zakat penggajian, zakat pendapatan, zakat simpanan, zakat emas & perak, zakat saham, zakat pertanian dan zakat ternakan. Dalam tempoh 10 tahun iaitu dari tahun 2005 hingga tahun 2014, prestasi kutipan zakat di Sabah sentiasa meningkat. Rajah 1 di bawah menunjukkan prestasi kutipan zakat di Sabah dari tahun 2005 hingga 2014.



Rajah 1: Jumlah kutipan zakat di Sabah dari tahun 2005 hingga 2014


Sumber: Pusat Zakat Sabah (PZS)

Berdasarkan rajah di atas, trend kutipan zakat bagi negeri Sabah menunjukkan peningkatan setiap tahun. Peningkatan tersebut menunjukkan prestasi yang baik apabila kutipan sebanyak RM11.31 juta pada tahun 2005 meningkat kepada RM52.8 juta pada tahun 2014 dengan kadar purata peningkatan sebanyak RM4.6 juta. Jika dilihat daripada rajah tersebut juga, zakat perniagaan merupakan antara penyumbang terbesar jumlah keseluruhan zakat di Sabah iaitu sebanyak RM123.8 juta daripada jumlah keseluruhan iaitu RM 312.4 juta bagi tahun 2005 hingga 2014 dengan peratus sebanyak 39.6 peratus daripada jumlah keseluruhan mendahului lapan jenis zakat yang lain.

Peningkatan ini seiring dengan kutipan zakat perniagaan di seluruh Malaysia dengan peningkatan kutipan zakat keseluruhan daripada RM26 juta pada tahun 2003 kepada RM435 juta pada tahun 2012. Kadar purata peningkatan ini adalah sebanyak RM434 juta dalam tempoh 10 tahun dengan kadar purata 43.20 peratus setiap tahun (Adibah & Joni, 2015).

5.1. Trend kutipan zakat perniagaan di Sabah

Akan tetapi, sekiranya dilihat daripada aspek zakat perniagaan sahaja, berlaku peningkatan dan juga penurunan terhadap kutipan yang diterima oleh PZS. Rajah 2 di bawah menunjukkan jumlah kutipan zakat perniagaan di Sabah dari tahun 2005 hingga 2014.



Rajah 2: Jumlah kutipan zakat perniagaan di Sabah dari tahun 2005 hingga tahun 2014

Sumber: Pusat Zakat Sabah (PZS)


Rajah 2 di atas menunjukkan bahawa prestasi kutipan zakat perniagaan yang dibayar oleh syarikat besar dan peniaga kecil di Sabah menunjukkan trend meningkat dan menurun. Menurut Mohd Zaratkhan (2015), trend kutipan zakat perniagaan dipengaruhi oleh trend pembayaran zakat oleh syarikat besar yang tidak konsisten setiap tahun. Ini kerana syarikat besar menyumbang hampir 90 peratus daripada keseluruhan kutipan zakat perniagaan bagi setiap tahun.

5.2. *Trend pembayar zakat perniagaan di Sabah*

Di Malaysia, bilangan pembayar zakat perniagaan meningkat seiring dengan peningkatan pembayar zakat keseluruhan. Kajian yang dijalankan oleh Adibah Abdul Wahab dan Joni Tamkin (2015) menunjukkan bilangan pembayar zakat perniagaan di seluruh negara berjumlah 25,959 orang daripada 886,510 orang pembayar zakat harta iaitu hampir 3 peratus daripada jumlah keseluruhan pembayar zakat harta pada tahun 2012 dengan jumlah peningkatan pada kadar purata 11.82 peratus bilangan pembayar setiap tahun dari tahun 2006 hingga tahun 2012 di seluruh Malaysia.

Bagi negeri Sabah juga trend pembayar zakat perniagaan sentiasa meningkat sama ada daripada syarikat besar atau peniaga kecil dalam tempoh 10 tahun dari tahun 2005 hingga tahun 2014. Rajah 3 di bawah menunjukkan peningkatan jumlah pembayar zakat perniagaan di Sabah.

Berdasarkan rajah di bawah, jumlah keseluruhan pembayar zakat perniagaan adalah seramai 4,703 orang di mana 84 peratus dari jumlah tersebut adalah dari kalangan peniaga kecil iaitu seramai 3,989 orang. Dapatan juga menunjukkan terdapat peningkatan seramai 1,055 orang pembayar zakat perniagaan dengan purata peningkatan 82 peratus. Pembayar dalam kalangan peniaga kecil menunjukkan peningkatan yang amat memberangsangkan berbanding syarikat besar. Bermula tahun 2011 sehingga tahun 2014, bilangan peniaga kecil yang membayar zakat perniagaan melebihi 90 peratus daripada keseluruhan pembayar zakat perniagaan.



Rajah 3: Jumlah bilangan pembayar zakat perniagaan di Sabah dari tahun 2005 hingga 2014

Sumber: Pusat Zakat Sabah

5.3. Peranan PZS dalam meningkatkan kutipan zakat perniagaan

Dalam memastikan objektif penubuhan PZS tercapai untuk meningkatkan jumlah kutipan dan bilangan pembayar zakat, PZS telah merangka pelbagai program umum dan juga khusus berkaitan zakat perniagaan bagi meningkatkan kesedaran peniaga muslim di Sabah tentang kewajipan membayar zakat perniagaan. PZS telah mengadakan seminar-seminar zakat perniagaan mengikut beberapa zon terpilih dan diadakan bersama dengan agensi ataupun dalam kalangan peniaga muslim di Sabah. Pada tahun 2011, seminar diadakan bersama Amanah Ikhtiar Malaysia yang mana objektifnya ialah untuk memberikan kefahaman berkaitan zakat perniagaan (Buletin Zakat al-Nasyrah, 2011).

PZS juga menyediakan pelbagai kursus dan latihan bagi mempertingkatkan kefahaman di kalangan pengurus dan pentadbir zakat dan antaranya ialah kursus kaedah taksiran zakat perniagaan (Buletin Zakat al-Nasyrah, 2011). Mohammad Noor Sahidi (2013) menyatakan keperluan kepada amil-amil terlatih dalam bidang zakat perniagaan amat penting sebagai strategi untuk memastikan kutipan zakat perniagaan meningkat dengan meningkatnya tahap pengetahuan berkaitan zakat.

Buletin yang diterbitkan oleh PZS dijadikan sebagai wahana penyampai maklumat sama ada berkaitan pengetahuan tentang zakat ataupun sebagai tujuan mempromosi PZS kepada masyarakat. Ketua Penolong Setiausaha PZS, Mohd Zaratkhan Abdul Rahman (2011) menyatakan penerbitan buletin tersebut merupakan strategi mewujudkan persepsi positif golongan hartawan terhadap Badan Berkuasa pemungut zakat di Sabah agar masyarakat yakin dengan pengurusan zakat yang ditunjukkan. Ram Al-Jaffri *et.al* (2009) dalam kajiannya menyatakan, keyakinan masyarakat atau pembayar zakat terhadap kredibiliti yang ditonjolkan oleh institusi zakat mempunyai pengaruh kuat terhadap gelagat kepatuhan. Keyakinan masyarakat yang tinggi mampu menarik lebih ramai lagi untuk membayar zakat.

Antara inisiatif yang dilakukan oleh institusi zakat dalam usaha meningkatkan jumlah kutipan zakat termasuk zakat perniagaan adalah melalui kaedah pembayaran zakat secara atas talian. Kalkulator zakat disediakan dalam laman sesawang pusat zakat bagi memudahkan para pembayar zakat untuk mengira sendiri kadar zakat yang perlu dibayar. Malah antara objektif penubuhan PZS adalah untuk memperkenalkan sistem pengurusan zakat dan agihan secara elektronik. Menurut Nur Hafizah & Selamah (2013), semakin mudah sesuatu mekanisme saluran

pembayaran zakat dilakukan, maka semakin meningkat jumlah kutipan zakat yang diperolehi. Walau bagaimanapun, ianya amat bergantung kepada kefahaman pembayar zakat tentang kaedah-kaedah penting dalam pengiraan zakat perniagaan. Kefahaman yang diperolehi oleh pembayar zakat akan menjadi pendorong kepada mereka untuk menggunakan kemudahan tersebut.

Bagi agen pungutan zakat harta, PZS telah melantik dan mempertanggungjawabkan tujuh (7) buah institusi kewangan bagi melaksana pungutan zakat harta di negeri Sabah iaitu Maybank Berhad, HSBC Bank Berhad, Eon Islamic Bank Berhad, Public Bank Berhad, Bank Simpanan Nasional Berhad dan Pos Malaysia Berhad bagi membolehkan pembayar zakat menunaikan pembayaran zakat harta secara atas talian. Selain itu, pembayaran zakat harta juga boleh dibuat di kaunter-kaunter seperti Pos Malaysia Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) (Buletin Zakat al-Nasyrah, 2011).

6. Unjuran Kutipan Zakat Perniagaan di Negeri Sabah


Unjuran kutipan zakat perniagaan di negeri Sabah dilakukan dengan menggunakan analisis regresi. Analisis regresi merupakan satu kaedah untuk menganggar nilai suatu pembolehubah yang bersandar dengan menggunakan satu pembolehubah yang tidak bersandar dengan syarat kedua-dua pembolehubah tersebut mempunyai hubungan atau pertalian yang kuat antara satu sama lain. Pembolehubah yang bersandar diwakilkan sebagai (y) manakala pembolehubah tidak bersandar diwakilkan sebagai (x). Pembolehubah tidak bersandar akan mempengaruhi nilai pembolehubah bersandar.

Kaedah yang digunakan untuk membuat anggaran ialah persamaan garis lurus regresi yang berbentuk $y = a + bx$. Nilai a ialah titik pintasan pada paksi- y manakala nilai b merupakan nilai kecerunan persamaan garis lurus tersebut. Persamaan tersebut diperolehi melalui formula di bawah:-

$$b = \frac{\sum xy - \frac{(\sum x)(\sum y)}{n}}{\sum x^2 - \frac{(\sum x)^2}{n}}$$


$$a = \frac{\sum y}{n} - b\left(\frac{\sum x}{n}\right)$$

$$y = a + bx$$



Rajah 4: Unjuran kutipan zakat perniagaan syarikat besar dan peniaga kecil di Sabah dari tahun 2015 sehingga tahun 2019

Berdasarkan rajah 4 di atas, unjuran kutipan zakat perniagaan dari tahun 2015 hingga 2019 menjangka akan berlaku peningkatan yang tidak konsisten bagi kutipan zakat perniagaan bagi syarikat besar. Dijangka pada tahun 2017, kutipan zakat perniagaan bagi syarikat besar hanyalah sebanyak RM16.05juta berbanding RM18juta bagi tahun sebelumnya. Tetapi kemudiannya bagi tahun 2018 dan 2019, dijangka berlaku peningkatan yang konsisten. Unjuran kutipan zakat perniagaan bagi peniaga kecil pula menunjukkan jangkaan peningkatan yang konsisten setiap tahun.



Rajah 5: Unjuran bilangan pembayar zakat perniagaan syarikat besar dan peniaga kecil di Sabah dari tahun 2015 sehingga tahun 2019

Rajah 5 di atas pula menunjukkan unjuran bilangan pembayar zakat perniagaan bagi syarikat besar dan peniaga kecil di Sabah dari tahun 2015 sehingga tahun 2019. Dijangkakan berlaku peningkatan yang konsisten pada bilangan pembayar zakat perniagaan sama ada dari syarikat besar ataupun peniaga kecil dari tahun 2015 sehingga tahun 2019. Namun demikian bagi syarikat besar, penurunan dijangka berlaku pada peringkat awal pada tahun 2015 iaitu 61

bilangan pembayar berbanding jumlah sebenar sebanyak 73 pembayar pada tahun 2014. Selepas itu barulah dijangkakan berlaku peningkatan yang perlahan pada bilangan pembayar zakat perniagaan daripada syarikat besar. Bagi peniaga kecil pula, dijangka berlaku peningkatan yang besar dan konsisten sepanjang tahun.

7. Kesimpulan

Perlaksanaan pengurusan zakat yang berkesan dapat memberikan jaminan kesejahteraan masyarakat bukan sahaja daripada aspek spiritual malah dapat meningkatkan tahap sosio ekonomi ummah. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan PZS lebih proaktif dalam menyusun strategi bagi mempertingkatkan jumlah kutipan zakat perniagaan yang mempunyai potensi yang besar di negeri Sabah.

Dalam menyusun strategi bagi tujuan tersebut pihak PZS juga perlu memberikan tumpuan kepada meningkatkan kefahaman masyarakat Islam di Sabah khususnya para peniaga mengenai kewajipan membayar zakat perniagaan. Di samping itu, PZS harus berusaha meningkatkan kredibilitinya sebagai sebuah institusi yang mendapat kepercayaan dan keyakinan masyarakat dalam pengurusan dana zakat untuk membantu meningkatkan tahap sosioekonomi dan juga sebagai wadah menegakkan syiar Islam di Sabah khususnya dan di Malaysia amnya.

Rujukan

- Abdullah Basmeih. (2002). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur : Darul Fikr.
- Abu Daud, S.(2004). *Sunan Abi Daud*. Tahqiq: Nasir al-Din al-Albani. Riyadh: Maktabah al-Maarif.
- Adibah, A.W & Joni, T. (2015). *Analisis Prestasi Kutipan Zakat di Malaysia*. Dalam buku Isu Kontemporari Pengurusan & Pembayaran Zakat di Malaysia. Kuala Lumpur : API, UM.
- Buletin Zakat. (2011). Bil.2. Akses pada 9 Ogos 2014 daripada www.zakatpenang.com/buletin022011.pdf.
- JAWHAR. (2008). Manual Pengurusan Zakat Perniagaan. Kuala Lumpur : Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB).
- Kutipan Zakat Perniagaan. (2012). Akses pada 9 Ogos 2014 daripada <http://www.e-zakat.com.my/terkini/seminar-barakah-niaga-strategi-lzs-tingkat-kutipan-zakat-perniagaan/>.
- Laporan Pengurusan Zakat Selangor.(2014). Lembaga Zakat Selangor. Akses pada 23 Mac 2016 daripada <http://www.zakatselangor.com.my/laporan-kutipan-dan-agihan-zakat/>.
- Mohamad Noor Sahidi, J. (2013). *Penentuan Zakat Perniagaan di Kalangan Usahawan di Malaysia* dalam Jurnal Pengurusan JAWHAR, 7(2), hlm. 17-38.
- Mohamad Zaki, R., Mohd Zainodin, M., Mohd Asyadi, R., Shahrinizam, M., & Nurufatinah, U. (2013). *Isu Kutipan Zakat Perniagaan di Negeri Johor : Kajian di Majlis Agama Islam Johor (MAIJ)* dalam prosiding *International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society*. Akses pada 10 Ogos 2014 daripada <http://www.academia.edu/7408597/>.
- Mohd Faisol, I.(2014). Metodologi Bayaran dan Kutipan Zakat Harta oleh Institusi-Intitusi Zakat di Malaysia. *Jurnal Teknologi, 2014*. Akses pada 9 Ogos 2014 daripada <http://www.jurnalteknologi.utm.my/>.
- Mujaini, T. (2012). *Zakat al-Mal al-Mustafad: Amalan dan Pengalaman di Malaysia*. Kuala Lumpur : Pusat Pungutan Zakat.
- Muhamad Uzair, G.A.N. (2015). *Pembayaran Zakat Perniagaan oleh Syarikat-Syarikat Tekstil di Negeri Perak*. Disertasi. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nor Alhana, A.M & Razizi, T. (2012). *Skop Al-Quran dan Ekonomi Dari Aspek Mekanisme Pengagihan Harta* dalam prosiding *International Seminar on al-Quran in Contemporary Society*. 1 hingga 2 Disember di Permai Hotel, Kuala Terengganu, Terengganu.
- Nor Hafizah, I & Selamah, M. (2013). *Kajian Kecekapan Kutipan Zakat di Wilayah Persekutuan*. Prosiding *Persidangan Kebangsaan Ekonomi di Malaysia ke VII*. hlm:414-425.
- Al-Qardawi, Yusuf. (1998). *Hukum Zakat*. Salman Harun & Didin Hafidhuddin (terj.). Singapura : Pustaka Nasional.
- Ram al-Jaffri, Kamil, M.I & Zainol, B. (2009). Peraturan pembayaran Zakat Kepada Institusi Zakat : Sikap Peniaga dan Kesannya Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat Perniagaan. *Jurnal Syariah*. Jil. 17. Bil. 3. hlmn : 607-630. Akses pada 24 Julai 2014 daripada http://e-journal.um.edu.my/filebank/published_article/2566/891.pdf.
- Razizi, T dan Nor Alhana, A.M. *Kepatuhan Pembayaran Zakat Perniagaan oleh Peniaga Muslim di Bahagian Tawau, Sabah* dalam prosiding *Konferensi Antarabangsa Islam Borneo ke-7* 2014 pada 10 dan 11 September 2014 di Hotel Promenade Tawau, Sabah.
- Saidatul Badru, M.S. (2011). *Undang-Undang Pentadbiran dan Keberkesananannya Terhadap Kesedaran Membayar Zakat Masyarakat Islam Daerah Kota Belud, Sabah*. Disertasi. Sarjana Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Sayyid al-Sabiq (1990). *Fiqh al-Sunnah*. Jil.3. terj. Mahyuddin Syaf. Kuala Lumpur : Victory Agency.